

## BAB IV

### ANALISIS PELAKSANAAN ZAKAT PERTANIAN DI SUMATERA UTARA

#### 4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperolehi menerusi kajian soal selidik yang telah dijalankan. Hasil analisis dapatan kajian adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui edaran borang soal selidik bagi mengkaji pelaksanaan zakat pertanian di daerah Sumatera Utara, Indonesia. Penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada para petani yang bersedia untuk menjawab borang soal selidik ini dengan telus. Para petani mengisi borang soal selidik tersebut sendiri dengan arahan dan bantuan daripada penyelidik.

Sebanyak 100 borang seoal selidik yang telah diedarkan dan hasilnya borang soal selidik yang telah diisi dengan sempurna adalah mencapai 96% manakala 4% lagi tidak diisi sama sekali ataupun hanya sebahagian kecil sahaja yang berisi. Oleh sebab itu penyelidik hanya memasukkan dan menganalisis borang soal selidik yang sempurna sahaja iaitu sebanyak 96 (96%) borang soal selidik sementara 4 (4%) borang soal selidik yang tidak dilengkapkan hanya dijadikan sebagai fail simpanan sahaja dan tidak dianalisis.

Isi kandungan soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Pada bahagian A terbahagi kepada 2 bahagian, pada bahagian pertama ditanyakan mengenai latar belakang responden dan pada bahagian kedua ditanyakan mengenai maklumat pertanian atau perladangan. Bahagian B pula berisikan tentang pemahaman dan pengetahuan zakat pertanian atau perladangan responden berdasarkan kayu ukur yang telah

ditetapkan dalam borang soal selidik. Adapun bahagian C berisikan tentang amalan pelaksanaan zakat pertanian atau perladangan.

Semua data daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan kaedah taburan kekerapan, peratusan dan min.

#### **4.2 Persampelan**

Persampelan soal selidik ini dibuat berdasarkan kepada dua faktor iaitu pertamanya di daerah Tapanuli Selatan, Mandailing Natal, Padang Sidempuan dan beberapa daerah di Sumatera Utara. Ini kerana daerah - daerah tersebut merupakan daerah yang luas tanah pertaniannya serta ramai penduduknya berkerja sebagai petani. Keadaan ini sudah pasti menjadikan banyaknya petani yang membayar zakat pertanian di daerah Sumatera Utara khususnya di daerah tersebut.

**Jadual 4.1: Jumlah penduduk berumur 15 tahun ke atas menurut jantina dan kegiatan tahun 2010**

Kegiatan	Lelaki	Perempuan	Lelaki + Perempuan
<b>I. Angkatan Kerja</b>	3 942 950	2 674 427	6 617 377
<b>1. Bekerja</b>	3 721 141	2 404 430	6 125 571
<b>2. Mencari Pekerjaan</b>	221 809	269 997	491 806
<b>II. Bukan Angkatan Kerja</b>	761 419	2 141 478	2 902 897
<b>1. Sekolah</b>	428 150	469 752	897 902
<b>2. Suri rumah</b>	56 758	1 481 881	1 538 639
<b>3. Lain – lain</b>	276 511	189 845	466 356
<b>Jumlah/Total</b>	4 704 369	4 815 905	9 520 274


Sumber : BPS – Survei Angkatan Kerja Nasional Sakernas (2010).<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Badan Pusat Statistik Provinsi Sumatera Utara, <http://sumut.bps.go.id/?qw=stasek&ns=03&hal=3>, 3 Mac 2012.

Yang kedua perempelan juga dibuat berdasarkan kepada petani-petani muslim yang ditemui, yang sanggup dan bersedia untuk memberikan kerjasama dengan ikhlas dan sepenuh hati bagi menjayakan kajian soal selidik yang dijalankan agar maklumat yang diperolehi daripada soal selidik adalah maklumat yang benar dan boleh membantu menghasilkan dapatan kajian yang baik.

Berdasarkan data daripada banci penduduk Sumatera Utara pada tahun 2010, jumlah penduduk Sumatera Utara yang bekerja ialah seramai 6,125,571 orang penduduk. Sementara yang bekerja dalam bidang pertanian seramai 2,875,343 (46.94%) orang penduduk. (Lihat jadual 4.1 dan carta 4.1)

**Carta 4.1: Peratus Jenis Pekerjaan Penduduk Tahun 2010**



Sumber : BPS – Survei angkatan kerja nasional Ogos 2009 dan Ogos 2010.<sup>2</sup>


<sup>2</sup> Ibid.

**Jadual 4.2: Taburan penduduk menurut kabupaten dan kota tahun 2010**

Bil	Kabupaten/ <i>Regency</i>	Bekerja	Penganggur	Jumlah
1	N i a s	66 630	1 756	68 386
2	Mandailing Natal	194 922	8 571	203 493
3	Tapanuli Selatan	144 807	5 012	149 819
4	Tapanuli Tengah	147 865	9 843	157 708
5	Tapanuli Utara	161 081	3 720	164 801
6	Toba Samosir	96 356	2 533	98 889
7	Labuhan Batu	166 131	12 586	178 717
8	A s a h a n	282 915	27 687	310 602
9	Simalungun	395 676	27 181	422 857
10	D a i r i	166 108	3 490	169 598
11	K a r o	218 202	3 444	221 646
12	Deli Serdang	853 907	84 669	938 576
13	L a n g k a t	445 850	42 424	488 274
14	Nias Selatan	160 246	3 986	164 232
15	Humbang Hasundutan	104 750	723	105 473
16	Pakpak Bharat	24 278	364	24 642
17	Samosir	76 899	424	77 323
18	Serdang Bedagai	283 291	19 109	302 400
19	Batu Bara	161 890	13 988	175 878
20	Padang Lawas Utara	118 011	4 076	122 087
21	Padang Lawas	104 003	7 893	111 896
22	Labuhan Batu Selatan	119 271	6 940	126 211
23	Labuhan Batu Utara	135 977	8 599	144 576
24	Nias Utara	54 410	1 853	56 263
25	Nias Barat	37 537	222	37 759
	Kota/ <i>City</i>			
27	S i b o l g a	35 894	7 616	43 510
28	Tanjungbalai	56 311	6 433	62 744
29	Pematangsiantar	101 051	11 729	112 780
30	Tebing Tinggi	65 751	6 935	72 686
31	M e d a n	886 815	133 811	1 020 626
32	B i n j a i	108 513	14 300	122 813
33	Padangsidimpuan	87 880	8 250	96 130
34	Gunung Sitoli	62 343	1 639	63 982
	Sumatera Utara	6 125 571	491 806	6 617 377

Sumber: BPS - Survei Angkatan Kerja Nasional bulan Ogos 2010.

**Graf 4.1: Peratus jenis pekerjaan penduduk menurut kabupaten/Bandar tahun 2010**



Sumber: BPS - Survei Angkatan Kerja Nasional, Ogos 2010.<sup>3</sup>

Berdasarkan carta 4.2 di atas menunjukkan bahawa penduduk Tapanuli Selatan yang bekerja dalam bidang pertanian sebanyak 81.6% daripada keseluruhan penduduk yang bekerja 144,807 iaitu seramai 118,162 orang penduduk. Manakala penduduk Mandailing Natal yang bekerja dalam bidang pertanian sebanyak 67.52% daripada keseluruhan penduduk yang bekerja 194,922 iaitu seramai 131,611 orang penduduk. Dan penduduk Padang Sidempuan yang bekerja sebagai petani sebanyak 22.38% daripada keseluruhan penduduk yang bekerja 87,880 iaitu seramai 19,667 orang penduduk.

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan sampel rawak mudah di mana setiap unsur dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Secara keseluruhan sebanyak 269,440 orang responden daripada tiga daerah di Sumatera Utara telah dikenal pasti sebagai responden kajian ini. Petani di daerah Mandailing Natal seramai

---

<sup>3</sup> Ibid.

131.611 (49%) orang petani, daerah Tapanuli Selatan seramai 118.162 (44%) orang petani dan daerah Padang Sidempuan seramai 19.667 (7%) orang petani.

Dari jumlah tersebut penyelidik menyebarkan 100 borang soal selidik di mana pembahagiannya adalah berdasarkan peratus jumlah keseluruhan responden. Daerah Mandailing Natal sebanyak 49 borang soal selidik, Tapanuli selatan sebanyak 44 borang soal selidik dan Padang Sidempuan sebanyak 7 borang soal selidik.

### **4.3 Analisis Data**

Data yang telah dikumpulkan, dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 16.0 dan berjaya menjawab objektif kajian. Pengukuran yang diguna dalam soal selidik ialah skala *likert 5* mata. Skala ini diasaskan oleh Rensis Likert (1932). Angka 1 menunjukkan respon sangat tidak bersetuju, angka 2 menunjukkan respon tidak bersetuju, angka 3 menunjukkan respon tidak pasti, angka 4 menunjukkan respon bersetuju dan angka 5 menunjukkan respon sangat bersetuju.

**Jadual 4.3: Skala likert untuk mengetahui tahap kefahaman masyarakat**

Skala	Skor
Sangat setuju	5
Setuju	4
Tidak pasti	3
Tidak setuju	2
Sangat tidak setuju	1

Soalan bahagian pertama mengenai pemahaman dan pengetahuan responden tentang zakat pertanian mendapatkan hasil nilai alpha 0.669 dengan jumlah soalan 18 soalan sebagaimana ditunjukkan jadual 4.4.

**Jadual 4.4: Kebolehpercayaan data pemahaman responden tentang zakat pertanian**

Kebolehpercayaan Statistics	
Alpha's Alpha	N of Items
.669	18

Sumber : Borang soal selidik

Soalan bahagian kedua mengenai amalan pelaksanaan zakat pertanian di kalangan petani di daerah Sumatera Utara mendapatkan hasil nilai cronbach 0.653 dengan jumlah soalan 12 soalan sebagaimana ditunjukkan jadual 4.4.

**Jadual 4.5: Kebolehpercayaan data amalan zakat pertanian**

Kebolehpercayaan Statistics	
Alpha's Alpha	N of Items
.653	12

Sumber: Borang soal selidik

Soalan bahagian ketiga mengenai amalan pelaksanaan zakat perladangan di kalangan petani di daerah Sumatera Utara mendapatkan hasil cronbach 0.839 dengan jumlah soalan 12 soalan sebagaimana ditunjukkan jadual 4.6.

**Jadual 4.6: Kebolehpercayaan data amalan zakat perladangan**

Kebolehpercayaan Statistics	
Alpha's Alpha	N of Items
.839	12

Sumber: Borang soal selidik

Soalan bahagian keempat mengenai pelaksanaan zakat pertanian mendapatkan hasil nilai cronbach 0.665 dengan jumlah soalan 20 soalan sebagaimana yang ditunjukkan jadual 4.7.

**Jadual 4.7: Kebolehpercayaan pelaksanaan zakat pertanian**

Kebolehpercayaan Statistics	
Alpha's Alpha	N of Items
.665	20


Sumber: Borang soal selidik

Hasil nilai alpha yang didapati daripada kesemua soalan soal selidik ini menghasilkan nilai melebihi 0.60. Ini bermaksud bahawa data ini adalah sesuai untuk dikaji.

#### **4.4 Analisis Soal Selidik**

##### **4.4.1 Latar Belakang Responden**


**Graf 4.2: Taburan Jantina Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Graf diatas menunjukkan taburan kekerapan mengikut jantina responden di mana majoriti petani adalah perempuan iaitu seramai 65 orang (67.7%) manakala selebihnya adalah petani lelaki iaitu seramai 31 responden (32.3%).

**Graf 4.3: Taburan Umur Responden**




Sumber : Borang soal selidik

Graf 2 di atas menunjukkan tentang umur responden. Responden tersebut kebanyakannya berumur 41 tahun ke atas iaitu seramai 39 orang (40.6%) dan berumur 45 – 59 tahun seramai 38 orang (39.6%) manakala berumur 35 – 45 tahun seramai 10 orang (10.4%) dan 20 – 34 tahun seramai 8 orang (8.3%) dan hanya sebahagian kecil sahaja berumur bawah 20 tahun iaitu seramai 1 orang (1%).


Dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden telah berkahwin iaitu seramai 54 orang (56.3%) dan diikuti oleh janda/duda seramai 41 (42.7%) orang responden. Didapati seramai 1 (1.1%) orang responden yang masih bujang. (Lihat graf 4.4)

**Graf 4.4: Taburan Status Perkahwinan Responden**



Sumber : Borang soal selidik

**Graf 4.5: Taburan Tahap Pendidikan Responden**




Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan graf diatas, majoriti responden hanya berkelulusan Sekolah Dasar (SD) sahaja iaitu seramai 34 (35.4%) orang responden diikuti yang tidak bersekolah seramai 24 (25%) orang responden. Manakala yang berkelulusan Sekolah Menengah Pertama (SMP) ataupun Madrasah Tsanawiyah (Mts) seramai 19 (19.8%) orang responden

seterusnya yang berkelulusan Sekolah Menengah Atas (SMA) atau Madrasah Aliyah (MAN) seramai 14 (14.6%) orang responden. Hanya 4 (4.2%) orang responden sahaja yang berkelulusan Sarjana Muda dan 1 (1.1) orang responden yang berkelulusan Diploma.<sup>4</sup>

**Graf 4.6: Taburan Tempat Tinggal Responden**




Sumber : Borang soal selidik

Graf di atas menunjukkan taburan tempat tinggal responden, di mana majoriti responden bermastautin di Mandailing Natal (Madina) seramai 46 (47.9%) orang responden diikuti responden yang bermastautin di Tapanuli Selatan seramai 43 (44.8%) orang responden. Manakala yang bermastautin di Padang Sidempuan seramai 7 (7.3%) orang responden.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden telah menjalankan pertanian dalam tempoh lebih 21 tahun iaitu seramai 66 (68.7) orang responden. Manakala yang telah menjalankan pertanian dalam tempoh 11 – 20 tahun seramai 12 (12.5%) orang responden seterusnya bawah 5 tahun seramai 10 (10.4%) dan 6 – 10 tahun seramai 8 (8.3%) orang responden. (Lihat graf 4.7)


<sup>4</sup> Sekolah Dasar (SD) bererti Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Pertama setara dengan PMR, Sekolah Menengah Atas setara dengan SPM.

**Graf 4.7: Taburan Tempoh Pertanian**



Sumber: Borang soal selidik

**Graf 4.8: Taburan Penglibatan Responden Dalam Pertanian**



Sumber : Borang soal selidik

Melihat kepada graf 7 diatas majoriti responden berkerja sebagai petani dengan sepenuh masa iaitu seramai 73 (76%) orang responden manakala yang berkerja sementara sebagai petani seramai 23 (23.9%) orang responden.


**Jadual 4.8: Taburan Responden Yang Mempunyai Pekerjaan Selain Bertani**

Mempunyai Pekerjaan Lain	Kekerapan	Peratus %
Ya	27	28.1
Tidak	69	71.9
Jumlah	96	100

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan jadual 4.8 di atas didapati bahawa petani yang tidak mempunyai pekerjaan lain lebih dominan iaitu seramai 69 (71.9%) orang responden berbanding petani yang mempunyai pekerjaan selain bertani iaitu 27 (28.1%) orang responden.


**Graf 4.9: Taburan Jenis Pekerjaan Responden Selain Bertani**



Sumber : Borang soal selidik

Hasil kajian mendapati bahawa responden yang mempunyai pekerjaan selain bertani majoritinya bekerja sendiri iaitu seramai 14 (14.4%) orang responden. Manakala yang bekerja berniaga seramai 5 (5.2%) orang responden seterusnya yang bekerja sebagai kaki tangan kerajaan seramai 4 (4.2%) orang responden. Yang bekerja selain dari yang disebutkan seramai 3 (3.1%) orang responden dan yang bekerja di bidang swasta seramai 1 (1%) orang responden.


**Graf 4.10: Taburan Tanggungan Keluarga Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Graf di atas menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tanggungan 1 hingga 3 orang iaitu seramai 53 (55.2%) orang responden seterusnya yang mempunyai tanggungan 4 hingga 6 orang seramai 26 (27.1%) orang responden. Manakala responden yang tiada mempunyai tanggungan seramai 11 (11.4%) orang responden. Responden yang mempunyai tanggungan 7 hingga 9 orang seramai 4 (4.2%) dan yang mempunyai tanggungan 10 orang ke atas seramai 2 (2.1%) orang responden.


**Graf 4.11: Taburan Tanggungan Keluarga Yang Masih Bersekolah**



Sumber : Borang soal selidik

Melihat kepada graf 4.10 di atas responden yang tiada mempunyai tanggungan yang masih bersekolah lebih dominan iaitu 46 (47.9%) orang responden. Manakala responden yang mempunyai tanggungan yang masih bersekolah 1 hingga 3 orang seramai 42 (43.7%) orang responden. Seterusnya responden yang mempunyai tanggungan yang masih bersekolah 4 hingga 6 orang seramai 7 (7.3%) dan yang mempunyai tanggungan yang masih bersekolah seramai 1 (1%) orang responden.


**Carta 4.2: Taburan Tingkat Pendapatan Sebulan Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Dari aspek tingkat pendapatan sebulan pula, didapati seramai 60 (62.5%) orang responden berpendapatan Rp 1 juta dan ke bawah sebulan, diikuti dengan responden yang berpendapatan antara Rp 1 juta sampai dengan Rp 2,999,900 iaitu seramai 31 (32.3%) orang responden dan seterusnya responden yang berpendapatan antara Rp 3 juta sampai dengan Rp 4,999,900 seramai 3 (3.1%) orang responden. Manakala bakinya adalah responden yang berpendapatan Rp 5 juta dan ke atas iaitu seramai 2 (2.1%) orang responden (Lihat Graf 4.11).

**Graf 4.12: Taburan Anggaran Perbelanjaan Sebulan Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Dari segi anggaran perbelanjaan sebulan pula, majoriti responden menghabiskan perbelanjaan dalam lingkungan Rp 1 juta hingga Rp 2,999,900 iaitu seramai 56 (58.3%) orang responden diikuti dengan responden yang menghabiskan perbelanjaan dalam lingkungan Rp 1 juta dan ke bawah iaitu seramai 34 (35.4%) orang responden dan seterusnya responden yang menghabiskan perbelanjaan dalam lingkungan Rp 3 juta sampai Rp 4,999,900 iaitu seramai 4 (4.2%) orang responden. Manakala bakinya responden yang menghabiskan perbelanjaan Rp 5 juta dan ke atas iaitu seramai 2 (2.1%) orang responden.

Jika diperhatikan data statistik di atas terdapat perbezaan antara pendapatan sebulan responden dan perbelanjaan sebulan responden. Didapati bahawa majoriti responden berpenghasilan di bawah Rp 1 juta seramai 60 (62.5%) orang responden manakala dari segi perbelanjaan sebulan pula responden yang memerlukan perbelanjaan di bawah Rp 1 juta seramai 34 (35.4%) orang responden.

Seterusnya responden yang berpenghasilan dalam lingkungan Rp 1 juta hingga Rp 2,999,900 seramai 31 (32.3%) orang responden berbanding responden yang menghabiskan


perbelanjaan sebulan dalam lingkungan Rp 1 juta hingga Rp 2,999,900 seramai 56 (58.3%) orang responden. Ini bererti seramai 25 (26.1%) orang responden tidak mempunyai penghasilan sebulan dalam lingkungan Rp 1 juta hingga Rp 2,999,900. Dan responden yang berpenghasilan dalam lingkungan Rp 3 juta hingga 4,999,900 seramai 3 (3.1%) orang responden berbanding responden yang menghabiskan perbelanjaan sebulan dalam lingkungan Rp 3 juta hingga 4,999,900 seramai 4 (4.1%) orang responden. Ini bererti 1 (1%) orang responden tidak mempunyai penghasilan antara Rp 3 juta hingga 4,999,900.

Manakala responden yang berpenghasilan sebulan Rp 5 juta dan ke atas seramai 2 (2.1%) orang responden berbanding yang memerlukan perbelanjaan sebulan Rp 5 juta dan ke atas seramai 2 (2.1%) orang responden.

Dariuraian di atas dapat disimpulkan bahawa seramai 26 (27.1%) orang responden digolongkan kepada kategori miskin. Hal ini kerana pendapatan mereka dalam sebulan tidak mencukupi untuk perbelanjaan mereka dalam sebulan.

#### **4.4.2 Maklumat Pertanian Responden**

**Graf 4.13: Jenis Pertanian Responden**



Sumber: Borang soal selidik

Berdasarkan Graf 4.13, didapati seramai 65 (67.7%) orang responden mempunyai pertanian padi, seterusnya diikuti dengan responden yang mempunyai pertanian padi dan juga perladangan iaitu seramai 24 (25%) orang responden. Manakala seramai 7 (7.3%) orang responden yang hanya mempunyai perladangan sahaja.

**Carta 4.3: Taburan Luas Tanah Pertanian Responden**




Sumber: Borang soal selidik

Carta di atas menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tanah pertanian kurang daripada  $\frac{1}{4}$  ekar iaitu seramai 40 (41.7%) orang responden, seterusnya diikuti oleh responden yang mempunyai luas tanah pertanian antara  $\frac{1}{4}$  ekar hingga  $\frac{1}{2}$  ekar iaitu seramai 38 (39.6%) orang responden. Manakala responden yang mempunyai luas tanah pertanian antara  $\frac{1}{2}$  ekar hingga 1 ekar seramai 6 (6.2%) orang responden dan responden yang mempunyai luas tanah pertanian melebihi 1 ekar seramai 5 (5.2%) orang responden.

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden menuai padi dua kali dalam setahun iaitu seramai 72 (75%) orang responden. Manakala responden yang menuai padi sekali dalam setahun seramai 14 (14.6%) orang responden dan responden yang menuai padi tiga kali dalam setahun seramai 3 (3.1%) orang responden. (Lihat carta 4.4)

**Carta 4.4: Taburan Kekerapan Menuai Padi Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa responden yang mendapat hasil pertanian melebihi 120 kaleng padi lebih dominan iaitu seramai 25 (26%) orang responden, seterusnya diikuti oleh responden yang mendapat hasil pertanian antara 50 hingga 99 kaleng padi iaitu seramai 24 (25%) orang responden dan seterusnya responden yang mendapat hasil pertanian antara 100 hingga 119 kaleng padi iaitu seramai 21 (21.9%) orang responden. Manakala responden yang mendapat hasil pertanian antara 20 hingga 49 kaleng padi seramai 17 (17.7%) orang responden dan responden yang mendapat hasil pertanian kurang daripada 20 kaleng padi seramai 2 (2.1%) orang responden.<sup>5</sup> (Lihat graf 4.14)


<sup>5</sup> Penduduk Sumatera Utara yang tinggal di kawasan Tapanuli Selatan, Mandailing Natal, Sidempuan dan daerah sekitarnya menggunakan kaleng atau belek dalam bahasa tempatan dalam menghitung hasil pertanian. Hasil pertanian yang didapat selepas menuai padi terus dihitung dengan menggunakan kaleng/belek tersebut tanpa digiling menjadi beras terlebih dahulu. 1 kaleng padi dalam kiraan tempatan sama dengan 12 kg. Maknanya 20 kaleng padi bersamaan dengan 240 kg, 50 kaleng padi bersamaan dengan 600 kg, 100 kaleng padi bersamaan dengan 1200 kg dan 120 kaleng padi bersamaan dengan 1440 kg

**Graf 4.14: Taburan Pendapatan Hasil Pertanian Responden**



Sumber : Borang soal selidik


**Carta 4.5: Taburan Status Kepemilikan Tanah Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Dari segi status kepemilikan tanah pula majoriti responden mengusahakan pertanian di tanah milik sendiri iaitu seramai 46 (48%) orang responden. Manakala responden yang mengusahakan pertanian mereka di tanah yang di sewa seramai 36 (38%) orang responden. Dan bakinya adalah responden yang mengusahakan pertanian di tanah bukan milik sendiri dan bukan di sewa<sup>6</sup> iaitu seramai 7 (7%) orang responden. (Lihat Carta 4.5)

**Graf 4.15: Taburan Kos Tanaman Padi Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden mengeluarkan kos untuk pertanian padi dalam lingkungan Rp 501,000 hingga Rp 999,000 iaitu seramai 29 (30.2%) orang responden, seterusnya diikuti oleh responden yang mengeluarkan kos pertanian padi sebesar Rp 500,000 dan kebawah iaitu seramai 24 (25%) orang responden kemudian responden yang mengeluarkan kos pertanian dalam lingkungan Rp 1,000,000 hingga Rp 1,499,000 iaitu seramai 22 (22.9%) orang responden. Manakala responden yang


<sup>6</sup> Tanah yang diusahakan sama ada milik keluarga besar tidak diperjual belikan dan juga tidak disewa atau tanah orang lain yang diperbolehkan untuk diusahakan tanpa mengambil upah sewaan.

mengeluarkan kos pertanian dalam lingkungan Rp 1,500,000 hingga 1,999,000 seramai 10 (10.4%) orang responden dan responden yang mengeluarkan kos pertanian sebesar Rp 2 juta dan ke atas seramai 4 (4.2%) orang responden.<sup>7</sup> (Lihat Graf 4.15)

#### **4.4.3 Maklumat Perladangan Responden**

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden mempunyai tanah perladangan seluas kurang daripada 1 ekar iaitu seramai 22 (22.9%) orang responden. Manakala responden yang mempunyai luas tanah pertanian dalam lingkungan 1 hingga 3 ekar seramai 7 (7.3%) orang responden dan responden yang mempunyai luas tanah pertanian lebih daripada 3 ekar seramai 2 (2.1%) orang responden. Dan responden yang tiada mempunyai tanah perladangan seramai 66 (67.7%) orang responden.


**Carta 4.6: Kekerapan Luas Tanah Perladangan Responden**



Sumber : Borang soal selidik

<sup>7</sup> Dalam tukaran semasa Rupiah kepada Ringgit, Rp 2,800 sama dengan RM 1. Rp 500,000 sama dengan RM178, Rp 1 juta sama dengan RM357, Rp 1,500,000 sama dengan RM 535 dan Rp 2 juta sama dengan RM 714

**Graf 4.16: Taburan Jenis Tanaman Responden**



Sumber : Borang soal selidik


Hasil dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden mengusahakan getah iaitu seramai 12 (12.5%) orang responden, seterusnya responden yang mengusahakan kelapa sawit iaitu seramai 6 (6.3%) orang responden begitu juga dengan responden yang mengusahakan sayur-sayuran iaitu seramai 6 (6.3%) orang responden. Manakala responden yang mengusahakan jagung seramai 3 (3.1%) orang responden sama dengan responden yang mengusahakan selain yang telah disenaraikan di dalam graf di atas<sup>8</sup>. Bakinya responden yang mengusahaan salak iaitu seramai 1 (1%) orang responden.

Berdasarkan Graf 4.17 menunjukkan bahawa responden yang mendapatkan hasil perladangan dalam sekali musim menuai kurang daripada Rp 199,000 lebih dominan iaitu seramai 12 (12.5%) orang responden, seterusnya diikuti oleh responden yang mendapat hasil perladangan dalam sekali musim menuai dalam lingkungan Rp 200,000 hingga Rp

<sup>8</sup> Seperti menanam pokok jati dan yang sejenisnya

399,000 iaitu seramai 8 (8.3%) orang responden dan juga responden yang mendapatkan hasil perladangan dalam sekali musim menuai lebih daripada Rp 1 juta seramai 7 (7.3%) orang responden. Bakinya adalah responden yang mendapat hasil perladangan dalam sekali musim menuai dalam lingkungan Rp 600,000 hingga Rp 799,000 iaitu seramai 3 (3.1%) orang responden dan responden yang mendapat hasil perladangan dalam sekali musim menuai dalam lingkungan Rp 400,000 hingga Rp 599,000 seramai 1 (1.1%) orang responden.

**Graf 4.17: Taburan Pendapatan Hasil Perladangan Responden Sekali Musim menuai**




Sumber : Borang seoal selidik

Dari segi waktu memetik hasil pula mayoriti responden memetik hasil perladangan dalam kiraan mingguan iaitu seramai 13 (13.5%) orang responden diikuti oleh responden yang memetik hasil perladangan dalam kiraan bulanan iaitu seramai 10 (10.4%) orang responden. Manakala responden yang memetik hasil perladangan dalam kiraan tahunan seramai 8 (8.3%) orang responden. Perbezaan waktu memetik hasil perladangan ini

dipengaruhi oleh perbezaan jenis perladangan yang diusahakan oleh responden. Responden yang mengusahakan getah memetik hasil perladangannya dalam kiraan mingguan, responden yang mengusahakan kelapa sawit dan salak memetik hasil perladangannya dalam kiraan bulanan manakala responden yang mengusahakan perladangan jenis sayur – sayuran, jagung dan lain – lain memetik hasil perladangan dalam kiraan tahunan. (Lihat graf 4.18)

**Graf 4.18: Taburan Waktu Memetik Hasil Perladangan Responden**




Sumber : Borang soal selidik

Adapun untuk kekerapan memetik hasil perladangan majoriti responden memetik hasil perladangan 3 hingga 4 kali iaitu seramai 14 (14.6%) orang responden seterusnya diikuti oleh responden yang memetik hasil perladangan 1 hingga 2 kali iaitu seramai 11 (11.5%) orang responden. Manakala responden yang memetik hasil perladangan lebih


daripada 7 kali seramai 4 (4.2%) orang responden dan responden yang memetik hasil perladangan 5 hingga 6 kali seramai 2 (2.1%) orang responden. (Lihat graf 4.19)

**Graf 4.19: Taburan Kekerapan Memetik Hasil Perladangan Responden**



Sumber : Borang soal selidik

**Carta 4.7: Taburan Status Kepemilikan Tanah Perladangan Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan carta 4.7 di atas menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tanah perladangan milik sendiri iaitu seramai 27 (28%) orang responden. Manakala responden yang menyewa tanah perladangan seramai 4 (4%) orang responden sahaja.

**Graf 4.20: Taburan Kos Tanaman Responden**



Sumber : Borang soal selidik

Dari segi kos tanaman pula majoriti responden mengeluarkan kos tanaman Rp 250.000 ke bawah iaitu seramai 12 (12.5%) orang responden dan seterusnya responden yang mengeluarkan kos tanaman dalam lingkungan Rp 251,000 hingga Rp 500,000 seramai 11 (11.1%) orang responden. Manakala responden yang mengeluarkan kos tanaman lebih daripada Rp 1 juta seramai 7 (7.3%) orang responden dan bakinya responden yang mengeluarkan kos tanaman dalam lingkungan Rp 501,000 hingga Rp 750,000 iaitu seramai 1 (1%) orang responden. (Lihat graf 4.20)

#### **4.4.4 Analisis Kefahaman dan Pengetahuan Responden Tentang Zakat**

##### **Pertanian**

Bahagian ini mengandungi soalan yang berkaitan dengan pengetahuan mengenai zakat pertanian. Untuk mengetahui pendapat dan persepsi petani di daerah Sumatera Utara mengenai zakat pertanian, penyelidik telah memberikan 18 bentuk soalan yang harus dijawab oleh responden dengan jujur dan telus. Soalan - soalan tersebut ialah daripada pendapat ijma' ulama sebagaimana yang telah disampaikan pada BAB 2 iaitu mengenai kewajipan zakat pertanian, jenis - jenis zakat pertanian, waktu mengeluarkan zakat pertanian, kadar nisab zakat pertanian dan isu mengenai menolak kos tanaman dan kos sara hidup. (Lihat Jadual 4.9)

**Jadual 4.9: Bentuk Soalan Kefahaman Zakat Pertanian**

No	Item Soalan
1	Ulama berbeza pendapat tentang jenis zakat pertanian
2	Seluruh hasil bumi wajib zakat
3	Hanya makanan asas sahaja yang wajib zakat
4	Zakat pertanian wajib dibayar ketika waktu musim menuai
5	Semua jenis buah-buahan wajib dikeluarkan zakat
6	Sayur-sayuran tidak wajib zakat
7	Semua jenis biji-bijian wajib zakat
8	Kelapa sawit wajib zakat
9	Sayur-sayuran wajib zakat
10	Salak tidak wajib zakat
11	Getah wajib zakat
12	Pisang tidak wajib zakat
13	Tanaman rempah wajib zakat
14	Wajib keluarkan zakat pertanian jika sampai nisab
15	Kadar 5 wasaq sama dengan 654 kg
16	Kadar nisab zakat tanaman dihitung selepas dibuang kulitnya ataupun buah setelah dikeringkan
17	Zakat tanaman dikeluarkan selepas ditolak kos tanaman
18	Zakat tanaman dikeluarkan selepas ditolak kos sara hidup

Soalan bahagian ini adalah untuk mengetahui objektif ketiga kajian iaitu “melihat sejauh mana kefahaman masyarakat di daerah Sumatera Utara mengenai zakat pertanian”. Terdapat lima pilihan jawapan berdasarkan tahap kefahaman tentang zakat pertanian menurut pandangan masyarakat petani di daerah Sumatera Utara. Angka 1 menunjukkan respon sangat tidak bersetuju, angka 2 menunjukkan respon tidak bersetuju, angka 3 menunjukkan respon tidak pasti, angka 4 menunjukkan respon bersetuju dan angka 5 menunjukkan respon sangat bersetuju. Sebagaimana telah ditunjukkan dalam jadual 4.3 sebelumnya.

Bahagian ini terdiri daripada 18 bentuk soalan di mana markah yang tertinggi adalah 5 markah dengan menggunakan skala likert 5 mata. Untuk mengetahui tahap kefahaman responden mengenai zakat pertanian pengkaji membahagi tingkat kefahaman responden kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

$$\text{Julat Markah} = \frac{\text{Bilangan soalan} \times \text{markah penuh}}{\text{Tahap kefahaman}}$$

$$= \frac{18 \times 5}{3}$$


$$= 30$$

#### **Jadual 4.10: Julat Markah Bagi Pengukuran Tahap Kefahaman**

No	Julat Markah	Tahap Kefahaman
1	0 – 30	Rendah
2	31 – 60	Sederhana
3	61 – 90	Tinggi

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden berada pada tahap sederhana iaitu seramai 65 (68%) orang responden. Manakala responden yang mempunyai tahap kefahaman tinggi seramai 24 (25%) orang responden. Dan bakinya responden yang mempunyai tahap kefahaman rendah seramai 7 (7%) orang responden. (Lihat carta 4.8)

**Carta 4.8: Taburan Kekerapan Bagi Tahap Kefahaman Responden Terhadap Zakat**



Sumber: Borang soal selidik

#### **4.4.5 Analisis Pelaksanaan Zakat Pertanian**

Bahagian ini mengandungi soalan mengenai amalan pelaksanaan zakat pertanian di daerah Sumatera Utara. Bahagian ini terbahagi kepada tiga bahagian; bahagian pertama mengenai pelaksanaan zakat padi, bahagian kedua mengenai pelaksanaan zakat perladangan, dan bahagian ketiga mengenai cara pelaksanaan dan pentadbiran zakat pertanian.

Bahagian pertama dan kedua adalah untuk menjawab objektif kedua iaitu melihat sumber-sumber zakat pertanian yang telah diamalkan oleh petani di daerah Sumatera Utara. Sedangkan bahagian ketiga adalah untuk menjawab objektif keempat iaitu melihat cara pelaksanaan dan pentadbiran zakat pertanian di daerah Sumatera Utara.

#### **4.4.5.1 Analisis Pelaksanaan Zakat Padi**

Bahagian ini mengandungi 9 bentuk soalan mengenai amalan pelaksanaan zakat padi. Terdapat lima pilihan jawapan berdasarkan tahap pelaksanaan amalan zakat pertanian. Angka 1 menunjukkan respon tidak pernah, angka 2 menunjukkan respon jarang, angka 3 menunjukkan respon kadang-kadang angka 4 menunjukkan respon selalu dan angka 5 menunjukkan respon ya. Sebagaimana ditunjukkan jadual 4.11 dibawah ini.

**Jadual 4.11: Skala likert untuk mengetahui amalan zakat pertanian**


Skala	Skor
<b>Ya</b>	5
<b>Selalu</b>	4
<b>Kadang – kadang</b>	3
<b>Jarang</b>	2
<b>Tidak</b>	1

Berdasarkan graf 4.13 mengenai jenis pertanian didapati bahawa responden yang mengusahakan pertanian padi seramai 89 (92.7%) dan yang mengusahakan perladangan seramai 31 (32.3%).

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden menyatakan hasil pertanian mereka mencapai 652 kg beras dalam sekali musim menuai iaitu seramai 27 (28.1%) orang responden diikuti oleh responden yang menyatakan kadang-kadang mencapai dan kadang

tidak iaitu seramai 26 (27.1%) orang responden. Manakala responden yang menyatakan tidak mencapai seramai 13 (13.5%) orang responden, yang menyatakan jarang mencapai seramai 14 (14.6%) orang responden dan yang menyatakan selalu mencapai seramai 9 (9.3%) orang responden.

**Graf 4.21: Hasil pertanian mencapai 652 kg sekali musim menuai**



Sumber: Borang soal selidik

**Graf 4.22: Mengeluarkan kos pengairan sawah**



Sumber: Borang soal selidik

Untuk soalan kedua iaitu apakah responden mengeluarkan kos pengairan sawah, majoriti responden tidak mengeluarkan kos pengairan sawah iaitu seramai 84 (87.5%) orang responden. Manakala yang menyatakan ada mengeluarkan kos pengairan sawah hanya seramai 2 (2.1%) orang responden sahaja begitu juga dengan responden yang menyatakan kadang-kadang mengeluarkan kos pengairan sawah iaitu seramai 3 (3.1%) orang responden.

Bagi soalan ketiga pula iaitu apakah responden mengeluarkan zakat pertanian setiap kali musim menuai, majoriti responden menyatakan mengeluarkan zakat pertanian setiap kali musim menuai iaitu seramai 50 (52.1%) orang responden. Manakala responden yang tidak mengeluarkan zakat pertanian seramai 12 (12.5%) orang responden, responden yang kadang-kadang mengeluarkan zakat pertanian seramai 14 (14.6) orang responden dan responden yang selalu mengeluarkan zakat pertanian seramai 13 (13.5%) orang responden.

**Graf 4.23: Mengeluarkan zakat pertanian setiap kali musim menuai**



Sumber: Borang soal selidik

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden membayar zakat pertanian dalam bentuk padi iaitu seramai 63 (65.6%) orang responden dan yang menyatakan selalu membayar zakat pertanian dalam bentuk padi seramai 7 (7.3%) orang responden. Manakala responden yang menyatakan tidak membayar zakat pertanian dalam bentuk padi seramai 13 (13.5%) dan responden yang menyatakan kadang-kadang membayar zakat pertanian dalam bentuk padi seramai 6 (6.2%). (Lihat graf 4.23)


**Graf 4.24: Membayar zakat pertanian dalam bentuk padi**



Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan graf 4.24 menunjukkan bahawa majoriti responden tidak membayar zakat pertanian setahun sekali iaitu seramai 76 (79.2%) orang responden dan yang menyatakan jarang membayar zakat pertanian setahun sekali seramai 3 (3.1%) orang responden. Manakala yang menyatakan membayar zakat pertanian setahun sekali seramai 6 (6.2%) orang responden, seramai 1 (1%) orang responden menyatakan selalu dan seramai 3 (3.1%) orang responden menyatakan jarang.

**Graf 4.25: Membayar zakat pertanian setahun sekali**



Sumber: Borang soal selidik

Untuk soalan keenam pula, majoriti responden tidak membayar zakat pertanian mereka dalam bentuk padi iaitu seramai 71 (74%) orang responden. Manakala yang menyatakan kadang-kadang membayar zakat pertanian dalam bentuk padi seramai 11 (11.5%) orang responden, seramai 5 (5.2) orang responden menyatakan jarang dan seramai 2 (2.1%) orang responden menyatakan membayar zakat pertanian dalam bentuk beras. (Lihat graf 4.25)

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden mengeluarkan kadar nisab zakat pertanian sebesar 10% iaitu seramai 73 (76%) orang responden dan juga yang menyatakan selalu seramai 12 (12.5%) orang responden. Manakala yang menyatakan tidak mengeluarkan kadar nisab pertanian 10% hanya 4 (4.2%) orang responden sahaja. Daripada itu seramai 2 (2.1%) orang responden membayar sebesar 5% dan 2.5%. Dan tidak ada

didapati responden yang membayar kadar nisab zakat pertanian sebesar 7.5%. (Lihat jadual 4.12)

**Graf 4.26: Membayar zakat pertanian dalam bentuk beras**



Sumber: Borang soal selidik

**Jadual 4.12: Kadar nisab zakat pertanian yang dikeluarkan**

No	Kadar	Tidak	Jarang	Kadang – kadang	Selalu	Ya
1	10%	4	0	0	12	73
2	7.50%	89	0	0	0	0
3	5%	87	0	0	0	2
4	2.50%	87	0	0	0	2

Sumber: Borang soal selidik

**Jadual 4.13: Mengeluarkan zakat pertanian selepas menolak kos pertanian dan kos sara hidup**

No	Menolak kos	Tidak	Jarang	Kadang – kadang	Selalu	Ya
<b>1</b>	Kos pertanian	71	0	1	0	17
<b>2</b>	Kos sara hidup	89	0	0	0	0

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 4.13 di atas menunjukkan bahawa majoriti responden mengeluarkan zakat pertanian tanpa menolak kos pertanian iaitu seramai 71 (74%) orang responden. Manakala seramai 17 (17.7%) responden menyatakan mengeluarkan zakat pertanian selepas menolak kos pertanian dan seramai 1 (1%) orang responden menyatakan kadang-kadang. Sedangkan untuk kos sara hidup semua responden menyatakan mengeluarkan zakat pertanian tanpa menolak kos sara hidup.

**4.4.5.2 Analisis Pelaksanaan Zakat Perladangan**

**Graf 4.27: Hasil perladangan mencapai 652 kg dalam sekali musim menuai**




Sumber: Borang soal selidik

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden yang mengusahakan perladangan, hasil perladangan mereka tidak mencapai 652 kg dalam sekali musim menuai iaitu seramai 24 (25%) orang responden. Manakala yang menyatakan mencapai hanya seramai 6 (6.2%) orang sahaja dan bakinya yang menyatakan kadang mencapai dan kadang tidak iaitu seramai 1 (1%) orang responden. (Lihat graf 4.27)

Yang dimaksud dengan perladangan ialah jenis pertanian selain padi sebagaimana dijelaskan dalam skop kajian. Jenis tanaman perladangan yang diusahakan oleh responden adalah getah, kelapa sawit, jagung, salak, sayuran dan lain-lain. (Lihat graf 4.16) Kadar nisab zakat padi dan perladangan adalah 652 kg sebagaimana telah dibahas di dalam BAB 2 dan juga berdasarkan rancangan peraturan Menteri Agama Republik Indonesia.

**Graf 4.28: Mengeluarkan zakat perladangan setiap kali musim menuai**



Sumber: Borang soal selidik

Graf 4.28 di atas menunjukkan bahawa majoriti responden tidak mengeluarkan zakat perladangan setiap kali musim menuai iaitu seramai 30 (31.2%) orang responden. Hanya seramai 1 (1%) orang responden sahaja yang menyatakan mengeluarkan zakat perladangan setiap kali musim menuai.

**Graf 4.29: Membayar zakat perladangan sekali setahun**



Sumber: Borang soal selidik

Untuk soalan membayar zakat perladangan sekali dalam setahun, majority responden menyatakan tidak membayar zakat perladangan sekali setahun iaitu seramai 26 (27.1%) orang responden. Manakala responden yang membayar zakat perladangan sekali dalam setahun seramai 4 (4.1%) orang responden sahaja, dan yang menyatakan kadang-kadang seramai 1 (1%) orang responden. (Lihat graf 4.29)

**Graf 4.30: Membayar zakat perladangan tanpa mengira kulitnya**



Sumber: Borang soal selidik

Adapun soalan membayar zakat perladangan tanpa mengira kulitnya seramai 33(100%) orang responden menyatakan tidak membayar zakat perladangan tanpa mengira kulitnya. (Lihat Graf 4.30)

**Graf 4.31: Membayar zakat perladangan berdasarkan kiraan zakat perniagaan**



Sumber: Borang soal selidik

Berdasarkan graf 4.31 diatas, majoriti responden menyatakan tidak membayar zakat perladangan berdasarkan kiraan zakat perniagaan iaitu seramai 26 (27.1%) orang responden. Manakala yang menyatakan membayar zakat perladangan berdasarkan kiraan zakat perniagaan seramai 5 (5.2%) orang responden. Akan tetapi jika dilihat berdasarkan kekerapan responden mengeluarkan zakat perladangan hanya terdapat 4 orang responden yang mengeluarkan zakat perladangan sekali dalam setahun dan 1 orang yang mengeluarkan zakat perladangan setiap kali musim menuai dengan jumlah responden 5 orang. Ini bererti bahawa semua responden yang mengeluarkan zakat perladangan membayar zakat perladangannya berdasarkan kiraan zakat perniagaan.

#### **Jadual 4.14: Kadar nisab zakat perladangan yang dikeluarkan**

No	Kadar	Tidak	Jarang	Kadang – kadang	Selalu	Ya
<b>1</b>	10%	31	0	0	0	0
<b>2</b>	7.50%	31	0	0	0	0
<b>3</b>	5%	0	0	0	0	0
<b>4</b>	2.50%	26	0	0	0	5

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 4.14 diatas menunjukkan bahawa seramai 5 (5.2%) orang responden mengeluarkan kadar nisab zakat perladangan sebesar 2.5%, manakala tidak terdapat responden yang mengeluarkan kadar nisab zakat perladangan sebesar 10%, 7.5% atau 5%. Lazimnya kadar nisab 2.5% adalah nisab zakat perniagaan, oleh kerana petani membayarkan zakat secara langsung kepada *mustahik zakat* maka mereka mengeluarkan kadar nisab zakat perladangan berdasarkan kefahaman masing-masing.

#### **Jadual 4.15: Mengeluarkan zakat selepas menolak kos perladangan dan kos sara hidup**

No	Menolak kos	Tidak	Jarang	Kadang – kadang	Selalu	Ya
<b>1</b>	Kos perladangan	27	0	0	0	4
<b>2</b>	Kos sara hidup	29	0	0	0	2


Sumber: Borang soal selidik

Jadual 4.15 di atas menunjukkan bahawa majoriti responden mengeluarkan zakat pertanian tanpa menolak kos perladangan iaitu seramai 27 (28.1%) orang responden. Manakala seramai 4 (4.2%) responden menyatakan mengeluarkan zakat perladangan

selepas menolak kos perladangan. Sedangkan untuk kos sara hidup seramai 2 (2.1%) orang responden mengeluarkan zakat perladangan selepas menolak kos sara hidup dan majoriti responden iaitu seramai 29 (30.2%) orang responden mengeluarkan zakat perladangan tanpa menolak terlebih dahulu kos sara hidup.

#### **4.4.5.3 Analisis Pelaksanaan Pembayaran Zakat Pertanian dan Perladangan**

**Graf 4.32: Kepada siapakah anda membayar zakat pertanian/perladangan anda?**




Sumber: Borang soal selidik

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden membayar zakat pertanian/perladangan mereka kepada mustahik zakat secara langsung tanpa melalui amil zakat iaitu seramai 80 (83.3%) orang responden, Seterusnya yang membayar zakat pertanian/perladangan kepada Imam/Ustaz/Bilal masjid seramai 19 (19.8%) orang responden. Manakala responden yang membayar zakat pertanian/perladangan kepada amil zakat hanya sebanyak 2 (2.1%) orang responden sahaja.

Adapun soalan siapakah yang menilai zakat pertanian/perladangan anda, majoriti responden menyatakan menilai kadar zakat pertanian/perladangan mereka sendiri iaitu seramai 70 (72.9%) orang responden dan seterusnya responden yang menyatakan dinilai oleh Imam/Ustaz seramai 22 (22.9%) orang responden. Manakala tidak ada responden yang menyatakan dinilai oleh petugas amil zakat. (Lihat graf 4.33)

**Graf 4.33: Siapakah yang menilai kadar zakat petanian/perladangan anda?**




Sumber: Borang soal selidik

Untuk pertanyaan siapakah golongan yang selalu anda bahagikan zakat pertanian/perladangan, majoriti responden menyatakan membahagikannya kepada fakir miskin iaitu seramai 67 (68.9%) orang responden, seterusnya kepada keluarga dekat yang susah iaitu seramai 56 (58.3%) orang responden. Manakala kepada fi sabilillah seramai 25 (26%) orang responden dan kepada orang yang berhutang seramai 18 (18.8%) orang responden. Dan bakinya adalah kepada anak yatim piatu seramai 8 (8.3%) orang

responden, kepada musafir seramai 7 (7.3%) orang responden dan kepada muallaf seramai 5 (5,2%) orang responden.


**Graf 4.34: Siapakah golongan yang selalu anda bahagikan zakat pertanian/perladangan anda?**



Sumber: Borang soal selidik

Untuk soalan alasan membayar zakat secara langsung kepada mustahik zakat, majoriti responden beralasan dapat membantu secara langsung mustahik zakat iaitu seramai 62 (64.6%) orang responden, seterusnya responden yang beralasan lembaga zakat kurang terpercaya seramai 29 (30.2%) orang responden dan yang beralasan lebih mudah dan praktis seramai 17 (17.7%) orang responden. Manakala responden yang beralasan mustahik zakat dapat membantu memetik hasil seramai 10 (10.4%) orang responden dan yang menyatakan kerana alasan persendirian seramai 9 (9.4%) orang responden. Dan bakinya adalah responden yang beralasan tidak tahu adanya lembaga zakat dan pejabat zakat jauh iaitu masing – masing seramai 1 (1%) orang responden.

**Graf 4.35: Mengapakah anda membayar zakat pertanian/perladangan kepada mustahik zakat secara langsung?**



Sumber: Borang soal selidik

#### 4.6 Kesimpulan

Berdasarkan kepada data pertanian daripada pemerintah daerah serta hasil observasi terdapat pelbagai jenis pertanian terdapat di daerah Sumatera Utara dan diusahakan oleh petani daerah terbabit. Akan tetapi daripada pelbagai jenis hasil pertanian tersebut hanya pertanian padi sahaja yang dikeluarkan zakat pertaniannya berdasarkan hasil dapatan kajian soal selidik di atas.(Lihat graf 4.23) Manakala hasil pertanian yang lain seperti salak, kelapa sawit, jagung, getah, sayur-sayuran dan lain-lain tidak dikeluarkan zakat pertaniannya. Walaupun begitu terdapat 5 (5%) orang responden yang mengeluarkan zakat pertaniannya akan tetapi berdasarkan kiraan zakat perniagaan. (Lihat Graf 4.29)

Hal ini disebabkan oleh majoriti masyarakat Sumatera Utara berpegang pada mazhab Syafi'i yang hanya mewajibkan zakat pertanian pada makanan asasi yang dapat disimpan dan tahan lama. Dalam hal ini hanya padi sahaja yang wajib dikeluarkan zakatnya. Begitu juga penerangan, ceramah dan pengajian yang disampaikan oleh ustaz, guru – guru agama serta alim ulama di daerah Sumatera Utara berpegang kepada mazhab Syafi'i dengan tidak mewajibkan zakat pertanian terhadap jenis pertanian selain padi.

Walaupun begitu daripada hasil kajian soal selidik yang dijalankan oleh penyelidik didapati bahawa majoriti responden mempunyai tahap kefahaman sederhana iaitu seramai 65 (68%) orang responden, manakala seramai 24 (25%) orang responden mempunyai tahap kefahaman tinggi. Dan hanya seramai 7 (7%) orang responden sahaja yang mempunyai tahap kefahaman rendah.(Lihat carta 4.10 ) Ini menunjukkan bahawa penerimaan masyarakat terhadap pendapat di luar mazhab Syafi'i tentang zakat pertanian masih terbuka dengan tidak hanya berpegang pada satu pendapat tanpa melihat keadaan masyarakat setempat.

Adapun untuk pelaksanaan pembayaran zakat pertanian, majoriti responden membayarkan zakat pertanian kepada mustahik zakat secara langsung tanpa melalui amil zakat iaitu seramai 80 (83.3%) orang responden sebagaimana ditunjukkan dalam graf 4.32. Ini menunjukkan bahawa kesedaran petani di daerah Sumatera Utara dalam menyalurkan zakat pertanian kepada amil zakat masih sangat rendah. Hal ini disebabkan beberapa faktor yang mempengaruhi petani membayar secara langsung kepada mustahik zakat sebagaimana ditunjukkan dalam graf 4.35. Dan majoriti petani beralasan dapat membantu secara langsung mustahik zakat iaitu seramai 62 (64.6%) orang responden. Ini menunjukkan

bahawa petani di daerah Sumatera Utara lebih memilih membayar zakat kepada mustahik zakat daripada membayar kepada amil zakat.